

HERITAGE REPRESENTATION IN THE MALAYSIAN NATIONAL FILM, JOGHO (1997)

PEMAPARAN WARISAN DALAM FILEM NASIONAL MALAYSIA, JOGHO (1997)

Fatimah Muhd Shukri

Universiti Malaysia Kelantan

Corresponding Author
fatimah.s@umk.edu.my

Abstract: The film Jogho (1997), directed by U-Wei Haji Saari, is an adaptation of the novel Juara (1976) by S. Othman Kelantan. The film was awarded Best Film at the 14th Malaysia Film Festival (FFM) in 1999. Prior to that, it represented Malaysia at the Asia-Pacific Film Festival in Taipei in 1998, where it won the Best Actor Award. What makes Jogho particularly interesting is its portrayal of the culture and heritage of the Kelantanese Malay community residing along the southern Thai border. Additionally, the characters in the film converse using the Kelantanese dialect. However, according to the 28th FFM's criteria for recognizing a film as Best Film, at least 70 percent of the dialogue must be in Bahasa Melayu. This raises questions about the status of Jogho, which highlights cultural heritage and regional dialect as a form of identity reflecting a specific community in Malaysia. To address the issue of cultural heritage and language in Jogho, this study aims to examine its linguistic and cultural elements within the context of national cinema. In this regard, the study applies Cooke's (1999) concept of cultural heritage to analyze Jogho's position as a Malaysian national film. The data in this article is derived from fundamental research using a qualitative methodology. Content analysis serves as the primary research instrument for obtaining findings. The study's results indicate that the portrayal of Kelantanese Malay cultural heritage in the film aligns with the criteria of cultural representation in national cinema, as discussed by Cooke. This suggests that Jogho successfully

presents an imagined community that accurately reflects the Kelantanese/Patani society.

Abstrak: *Jogho* (1997) filem arahan U-Wei Haji Saari merupakan sebuah filem adaptasi daripada novel *Juara* (1976) oleh S. Othman Kelantan. Filem ini dinobatkan sebagai Filem Terbaik dalam Festival Filem Malaysia (FFM) ke-14 pada tahun 1999. Sebelum itu, filem ini telah mewakili Malaysia dalam Festival Filem Asia Pasifik di Taipei pada tahun 1998, dan memenangi Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik. Apa yang menarik tentang filem *Jogho* adalah, filem ini berlatarkan kebudayaan dan warisan masyarakat Melayu Kelantan yang menetap di sempadan Selatan Thailand. Selain daripada itu, bahasa perbualan watak-wataknya juga menggunakan dialek negeri Kelantan. Namun begitu, antara syarat yang dikeluarkan oleh FFM ke-28 bagi mengiktiraf filem sebagai sebuah Filem Terbaik adalah penggunaan 70 peratus Bahasa Melayu. Bagaimana pula kedudukan filem *Jogho* yang memaparkan warisan budaya dan loghat negeri sebagai suatu bentuk identiti bagi mencerminkan masyarakat sesebuah negeri di Malaysia?. Untuk

menghuraikan permasalahan warisan budaya dan bahasa filem *Jogho*, kajian ini bertujuan meneliti bahasa dan warisan budaya dalam konteks sinema nasional. Sehubungan dengan itu, kajian ini menerapkan konsep warisan budaya oleh Cooke (1999) untuk meneliti kedudukan *Jogho* sebagai sebuah filem nasional Malaysia. Data artikel ini diperolehi daripada kajian berbentuk *fundamental* dengan kaedah kualitatif sebagai rekabentuk kajian. Instrumen kajian utama bagi memperoleh jawapan adalah kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian merakamkan bahawa, warisan budaya masyarakat Melayu Kelantan yang dipaparkan dalam filem ini menepati kriteria kebudayaan filem nasional seperti yang dibahaskan oleh Cooke. Ini menunjukkan filem *Jogho* berjaya dalam memaparkan komuniti imaginasi yang sebenarnya dapat dilihat dalam komuniti masyarakat Kelantan/Patani.

Keywords: Heritage, National Film, *Jogho*, Dialect

Kata Kunci: Warisan, Filem Nasional, *Jogho*, Dialek

1. PENGENALAN

Jogho (1997) adalah filem karya U-Wei Haji Saari atau nama sebenar beliau, Zubir Saari (Saharudin Musthafa 2001). Selain itu, *Jogho* juga merupakan filem yang diadaptasi daripada novel. Novel tersebut berjudul *Juara* (1976) yang ditulis oleh S. Othman Kelantan yang mengangkat isu politik Melayu-Kelantan pada tahun 1960-an ((Safie & Hassan, 2016)). Selain *Jogho*, U- Wei telah mengarah 10 buah filem lain. Namun begitu, diantara 10 buah filem tersebut, *Jogho* merupakan filem ketiga terbesar selepas *Perempuan, Isteri dan ...* (1993) dan *Kaki Bakar* (1994) (Saharudin Musthafa 2001).

Filem *Jogho* juga telah membolot lima anugerah dalam Festival Filem Malaysia (FFM) yang ke-14. Anugerah-anugerah yang dibolot oleh *Jogho* adalah Filem Terbaik, Pengarah Terbaik, Lakon Layar Terbaik, Pelakon Lelaki Terbaik (Khalid Salleh) dan Poster Terbaik (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia & FINAS, 2018). Selain itu, filem *Jogho* turut dipertandingkan di festival-festival peringkat antarabangsa. Di Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-11 pada tahun 1998 dan Festival Filem Antarabangsa Jakarta pada tahun 1999, filem *Jogho* memasuki pertandingan tetapi tidak memenangi anugerah. Namun begitu, di Festival Filem Asia Pasifik ke-43 pada tahun 1998 di Taipei, *Jogho* telah memenangi anugerah Pelakon Lelaki Terbaik yang dilakukan oleh Khalid Salleh (Fai, n.d.; C.P.Jong, n.d.). Selain itu, *Jogho* turut ditayangkan di tayangan perdana di Tokyo pada 13 Disember 1997 dan tayangan di Malaysia pada 28 Mac 1999 dan ditayangkan semula di Kuala Lumpur pada 30 September 1999 (Fai, n.d.; C.P.Jong, n.d.).

Apa yang menarik tentang filem ini adalah, ia mengekalkan keunikan warisan budaya, bahasa dan identiti masyarakat muslim Melayu-Kelantan. *Jogho* berlatarbelakangkan dua lokasi penggambaran iaitu di Selatan Thailand dan Kelantan. Dengan itu, bahasa perbualan utama yang digunakan adalah dialek negeri Kelantan dan bahasa Thailand. Namun begitu, antara syarat pencalonan FFM adalah, filem yang dipilih untuk memasuki kategori Bahasa Melayu perlu menggunakan 70% bahasa pertuturan dalam bahasa rasmi negara (Muhammad Azrul 2016). Oleh itu, dimanakah letaknya pemaparan warisan menerusi filem *Jogho* sebagai sebuah filem Melayu seterusnya filem Malaysia? Mengangkat permasalahan dan persoalan ini, artikel ini akan meneliti warisan budaya, bahasa dan identiti filem *Jogho* sebagai sebuah filem nasional Malaysia.

2. SOROTAN KESUSASTERAAN

Kajian ini membincangkan beberapa penulisan lepas yang mengupas tentang sinema nasional negara masing-masing. Rata-ratanya mengangkat identiti sinema negara mereka dengan membincangkan keunikan sinema mereka yang mampu membezakan sinema mereka dengan sinema negara-negara lain. Perbincangan terperinci adalah seperti di bawah.

2.1 Kajian Sinema Nasional Antarabangsa

Artikel Andrew Higson (1989) bertajuk *The Concept of National Cinema* berbentuk penyelidikan tinjauan dengan mengangkat permasalahan bentuk sinema nasional British dari aspek ekonomi dan juga industri perfileman termasuklah kandungan filem. Artikel ini membahaskan empat konsep yang boleh diperhatikan dalam sinema nasional British iaitu syarat-syarat ekonomi, pendekatan asas kandungan, pameran dan kritikan. Dapatan artikel ini mencadangkan untuk meneroka konsep sinema nasional British dengan lebih mendalam (*in-ward looking*). Walau bagaimanapun, kajian ini lebih menjurus kepada kandungan filem dan hanya konsep pendekatan asas kandungan oleh Higson yang membincangkan tentang kandungan filem. Beliau mempersoalkan tentang apakah filem itu?, adakah ianya berkongsi suatu perkara yang sama atau pandangan dunia?, bagaimana ia mencerminkan karakter nasional?, sejauh mana ia mempersoalkan tentang kenegaraan dan pembentukan negara dalam filem dan kesedaran penonton?. Persoalan ini merumuskan kandungan dalam filem, namun kajian ini menjurus kepada kandungan kebudayaan dalam bentuk identiti nasional seperti kepelbagaian bangsa, bahasa dan budaya.

Buku penulisan oleh Higson (1995a) berjudul *Waving the Flag: Constructing a National Cinema in Britain* merupakan penteorian sinema nasional British menerusi perkembangan industri filem British. Teori dibangunkan berlandaskan perbincangan terhadap dua aspek iaitu industri filem British dan pemaparan budaya dalam filem British. Higson membincangkan dua aspek ini dalam tiga kajian kes daripada *independent* filem British. Kes kajian pertama adalah filem pada tahun 1920-an hingga 1940-an, kedua; mengidentifikasi filem British daripada filem *Hollywood* dan ketiga; kajian terhadap kemasukan idea dokumentari pada sinema nasional British. Berdasarkan tiga kajian kes ini, Higson menjelaskan bahawa sinema nasional British dikenali dari aspek industri iaitu faktor penerbit, pengagih dan pempamer. Manakala, dari aspek kandungan filem, identiti negara British dikenali berdasarkan ciri-ciri kepunyaan masyarakat Britain sebagai contoh pakaian dan budaya menerusi genre *heritage* (warisan).

Buku penulisan O'Regan (1996) bertajuk *Australian National Cinema* membincangkan isu filem pada masa kini dan menganalisis filem-filem ini bagi mendefinisikan kembali

'perhubungan' antara masyarakat dengan sinema. Penyelidikan ini mengangkat permasalahan bahawa filem Australia merupakan sinema pelbagai dan berlainan dengan tiada jalinan yang menghubungkan pembikin filem, pasaran, kritikan, polisi, kerajaan dan penghargaan. Persoalannya adalah, bagaimana filem sering kali dieksploitasi dan bersungguh-sungguh menitikberatkan masalah masyarakat dengan pembezaan kebudayaan dari aspek kelas, agama, bangsa, gender dan orientasi seksual?. Penyelidikan ini mengerjakan kembali konsep yang diketengahkan oleh Michel Foucault dan Bruno Latour. Dapatan kajian adalah, analisis karektor hibrid sinema Australia. Penyelidikan O'Regan hampir dengan kajian ini dari aspek penelitian kepelbagaian dalam sinema khususnya dari aspek bahasa, budaya dan bangsa. Walau bagaimanapun, O'Regan menekankan kepada karektor hibrid yang muncul daripada kepelbagaian ini.

Tesis Doktor Falsafah Kratzer-Juilfs Silvia Cornelia (1996) bertajuk *Exile Cinema as National Cinema: Re-Defining German National Cinema (1962 – 1995)* memperdebatkan tentang sinema kebangsaan Jerman oleh pembikin filem Jerman Timur dan *Gastarbeiter* (pekerja asing atau *guest workers*). Sehubungan dengan itu, tesis ini mengkaji kesatuan idea seni dan sinema nasional Jerman dengan menyelidik bagaimana perdebatan sinema nasional harus difikir kembali dan penteorian kembali dalam konteks perubahan politik, sosial dan kebudayaan Jerman. Perdebatan ini mengangkat satu permasalahan iaitu kemunculan sinema baharu Jerman. Sinema baharu Jerman ini merupakan suatu aliran sinematik khusus yang menguasai tempat dalam sinema nasional Jerman tetapi dianggap tidak lagi berfungsi walaupun ianya telah menyediakan platform asas bagi sinema nasional Jerman. Kajian ini merupakan penyelidikan asas dengan menggunakan teori sinema nasional. Dapatan kajian ini menemukan dua aspek iaitu dari segi tematik dan teoritikal. Dari aspek tematik, tesis ini menghuraikan perbezaan antara sinema *exile* (buangan) di Jerman yang berbentuk sementara atau tetap, sukarela atau paksaan, motivasi, ekonomi atau politik dan 'buangan' dalaman atau luaran. Dari sudut teori, analisis ke atas filem mendapati filem-filem 'buangan' di Jerman telah mengangkat kembali konsep utama dan seni tematik bagi sinema baharu Jerman.

Dalam buku *An Introduction to Media Studies* (1999) pada bab bertajuk *British Cinema: Representing the Nation*, Lez Cooke telah meneroka tentang sinema nasional British dari tiga era yang berbeza sebelum 1910, tahun 1930-an dan *independent* sinema pada tahun 1980-an. Beliau mempersoalkan tentang bagaimana kelas, jantina, bangsa, seksualiti, identiti serantau dan kebangsaan ditonjol pada filem-filem British di zaman yang berbeza dan bagaimana imej berfungsi sebagai perlambangan kepada negara sendiri dan kepada dunia. Persoalan ini dijadikan landasan bagi Lez Cooke (1999) untuk membangunkan sebuah kerangka bagi mengenali sinema nasional British.

Model sinema nasional British oleh Lez Cooke menerangkan dua faktor yang melambangkan sebuah sinema nasional British iaitu industri filem dan yang utama adalah kebudayaan dalam filem. Lez Cooke (1999) menemukan bahawa, faktor industri tidak cukup bagi meneliti sinema nasional British. Faktor kebudayaan telah melengkapkan ciri bagi mengidentifikasi sinema nasional British. Faktor kebudayaan berdasarkan kelas, jantina, bangsa, seksualiti, identiti serantau dan kebangsaan ini pula berubah-ubah mengikut perkembangan zaman dan konteks masyarakatnya.

Buku penulisan Hayward (2005) bertajuk *French National Cinema* bertajuk bersandarkan kajian jenis penyelidikan asas dengan kajian pemeriksaan ke atas sinema nasional Perancis. Hayward mengetengahkan isu politik dan kandungan kebudayaan dalam kandungan bersejarah yang dikesan dalam sosial dan politik yang diperhatikan mencerminkan peralihan yang berbeza. Dua persoalan asas yang diketengahkan oleh Hayward adalah bagaimana nasional dinyatakan? dan bagaimana untuk menyatakan kenasionalan itu?. Dapatan penulisan ini adalah, sinema nasional Perancis telah merentasi suatu fahaman baru mengenai penulisan sinema Perancis dalam pengkonsepsian negara bangsa Perancis. Kandungan kebudayaan Hayward menyenaraikan tujuh tipologi bagi mengelaskan sinema nasional Perancis iaitu naratif, genre, kod dan aturan, gerak isyarat dan tata kata, pelakon sebagai lambang, sinema sebagai pusat dan sinema sebagai ukuran, akhir sekali sinema sebagai penggerak kepada hikayat bangsa dan negara.

3. METODOLOGI

Artikel ini merupakan sebuah kajian *fundamental* dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Selain itu, artikel ini turut mengaplikasikan instrumen analisis kandungan untuk menganalisis filem *Jogho*. Filem *Jogho* akan dianalisis berdasarkan model sinema nasional oleh Cooke Lez (1999). Perbincangan selanjutnya diperincikan di bawah.

3.1 Model Sinema Nasional oleh Cooke Lez (1999)

Model sinema nasional British oleh Lez Cooke (1999) merupakan model yang digarap daripada kajian Higson (1989) dan Street (1997). Model ini turut membincangkan industri dan kandungan kebudayaan menerusi filem nasional British. Namun begitu, dalam artikel ini, perbincangan memfokuskan kandungan filem sahaja, manakala, kandungan industri tidak dibincangkan. Justeru itu, kandungan kebudayaan meneliti dua aspek budaya iaitu, ikonografi dan bahasa sebagai cerminan kebudayaan filem nasional British.

Aspek ikonografi yang dibincangkan oleh Cooke merupakan pemaparan kebudayaan menerusi kod-kod visual (Cooke 1999). Kod-kod visual ini diperhatikan pada lokasi, pakaian dan budaya dalam filem-filem nasional. Menerusi tiga kod visual tersebut, penonton boleh membuat pengecaman ke atas filem negara bangsa. Misalnya, lokasi yang berlatarbelakangkan bandar raya Kuala Lumpur membolehkan penonton membuat pengecaman ke atas filem nasional Malaysia. Bagi Cooke (1999), ikonografi merupakan asas utama yang memberi pengecaman kepada penonton bahawa, filem tersebut adalah filem British atau sebaliknya dengan mengangkat intipati British sepenuhnya.

Bagi meneliti aspek ikonografi menerusi filem *Jogho* (1997), aspek ini diteliti dan dikaji ke atas visual dan dialog watak yang menyentuh aspek-aspek kebudayaan. Sebagai contoh berdasarkan penelitian awal, menerusi visual filem *Jogho* terdapat ikonografi yang memberi pengecaman identiti masyarakat Melayu Kelantan. Maka, aspek ikonografi seperti ciri-ciri identiti, latar tempat dan pakaian diperhatikan menerusi filem *Jogho* (1997).

Menerusi aspek bahasa pula, Cooke (1999) membincangkan penggunaan bahasa dalam filem British. Bahasa kebangsaan, dialek sama ada pelat daerah atau perbezaan antara bahasa harian oleh golongan bangsawan dengan golongan bawahan adalah faktor pengecaman penting kepada filem nasional British. Hal ini kerana, bahasa kebangsaan, pelat daerah dan bahasa harian adalah keistimewaan yang terdapat pada sesebuah negara yang dipaparkan melalui filem nasionalnya. Aspek ini juga menjadi identiti kepada sebuah filem nasional kerana keunikan bahasa yang hanya dipertuturkan oleh masyarakat negara bangsa tersebut. Misalnya bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan dipertuturkan oleh masyarakat Malaysia amnya. Dialek daerah juga dipertuturkan oleh masyarakat Malaysia yang mendiami atau mempunyai kebolehan untuk bertutur dialek negeri-negeri dalam Malaysia.

Aspek bahasa ini turut diteliti berdasarkan dialog yang diungkapkan oleh watak-watak dalam filem *Jogho* (1997). Penelitian awal mengenalpasti terdapat bahasa atau dialek Kelantan digunakan dalam filem ini. Terdapat juga Bahasa Thailand yang digunakan. Aspek bahasa ini akan diperincikan dan dibahaskan dalam analisa kajian. Dua aspek ini diteliti oleh Cooke (1999) dalam elemen-elemen karektor, babak, situasi dan penceritaan filem nasional British. Justeru itu, berdasarkan model Cooke (1999) ini elemen ikonografi dan bahasa diteliti menerusi filem *Jogho* (1997).

4. ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan model Cooke di atas, ikonografi dan bahasa diteliti ke atas filem *Jogho* bagi menjawab persoalan artikel ini. Justeru itu, kajian terperinci tentang pemaparan elemen warisan, budaya, bahasa dan ikonografi dibahaskan di bawah.

4.1 Analisis Filem *Jogho* (1997)

Jogho mengisahkan kehidupan Pak Mat atau Mamat iaitu suami kepada Minah dan juga seorang pelaga lembu di Patani, Selatan-Thailand. Sebelum itu, Pak Mat menetap di Kelantan dan setelah gagal dalam bidang politik di Kelantan dia membawa diri dan keluarganya ke Patani. Kehidupan Pak Mat di Patani berlegar-legar antara kemiskinan dan hobinya atau kepakarannya dalam pertandingan berlaga lembu. Dalam satu pertandingan, lembu yang dipertandingkan oleh Pak Mat, Calet telah ditembak mati bersama abangnya iaitu Lazim.

Bermula dari peristiwa itu, Pak Mat mula menggumpul kaki-kakinya di Patani dan Kelantan untuk menuntut bela di atas kematian Lazim. Antara orang-orang yang terlibat adalah Sani dan Salim anak kepada Lazim, Jali orang kepercayaan Pak Mat dan saudaranya di Kelantan, Jaafar Beruang. Namun begitu, perkara yang tidak diduga telah berlaku iaitu, Sani, Salim dan Jali telah terlibat dalam aktiviti tembak-menembak dengan Dolah Munduk (orang yang bertanggungjawab membunuh Lazim) dan anak Pak Isa. Akibatnya, Dolah Munduk dan anak Pak Isa telah mati ditembak. Kematian anak Pak Isa menyebabkan dendam antara Pak Mat dengan Pak Isa menjadi semakin tegang. Cerita berakhir dengan Sani menembak mati Pak Isa di satu pertandingan lembu. Akhirnya polis datang dan Pak Mat telah menutup kesalahan Sani dengan mengaku bahawa dia yang menembak mati Pak Isa (*Jogho* 1997).

Berpandukan model sinema nasional kandungan budaya (Cooke 1999) naratif filem *Jogho* akan dianalisis mengikut, (1) kebenaran sosial, (2) ikonografi dan (3) bahasa.

4.2 Realisme Menerusi Filem *Jogho*

Realiti sosial utama yang jelas dipaparkan dalam *Jogho* adalah kemiskinan. Kemiskinan ini dapat dilihat menerusi kehidupan Pak Mat dan keluarganya. Namun begitu, kemiskinan ini berpunca daripada gaya hidup Pak Mat yang suka berjudi (berlaga lembu). Kemiskinan ini dipaparkan menerusi pengucapan Aminah atau Minah isteri Pak Mat. Antara dialog yang diucapkan oleh Minah adalah “*Yo lah tuh. Anok bini make nasi ngan budu. Hok molek semo ko lembu*” (“*Iyalah. Anak isteri makan nasi dengan budu. Yang elok semua untuk lembu*”) pada minit ke 00:30:01 hingga 00:30:07.

Dialog ini jelas memaparkan kesengsaraan hidup Minah yang terhimpit dalam kemiskinan akibat daripada perbuatan atau hobi suaminya, Pak Mat. Dialog ini diucapkan kepada Pak Mat pada minit ke 00:39:13 dan berakhir pada 00:39:32.

Selain itu, Minah juga menuturkan dialog seperti *“Kito tok se Jusoh masuk politik, kito tok relo Jusoh ikot caro abe...wat nyanyo ko binate. Golok begada hanyo tingga tule kering...ni bertaruh lagi, ado pitih sikit sebanyak habih keno kiki. Kalu kalah kito nok gi mano lagi?”* (*“Saya tak mahu Jusoh masuk politik, saya tak rela Jusoh ikut cara abang...menganiaya binatang. Bergadai sampai ke tulang kering...ni bertaruh lagi, ada duit sikit sebanyak habis kena kiki. Kalau kalah kita nak pergi ke mana lagi?”*). Dialog-dialog yang dituturkan oleh Minah menggambarkan kehidupan mereka yang terkandas dalam jurang kemiskinan. Namun begitu, sebagai seorang isteri yang setia (menurut pengucapan Pak Mat pada minit ke 00:37:37), Minah tidak mampu melawan kehendak suaminya Pak Mat. Minah hanya mampu menurut sahaja walaupun dia sebenarnya tidak menyukai perbuatan Pak Mat.

Berdasarkan analisis filem *Jogho*, dapatan kajian menunjukkan, filem ini mengangkat salah satu kandungan realiti yang dinyatakan oleh Hatta Azad Khan, iaitu kemiskinan (Khan, 1994). Keseluruhan filem *Jogho* memaparkan kehidupan keluarga Pak Mat iaitu Melayu-Kelantan yang hidup di Patani dalam keadaan miskin dan susah. Walaupun secara puratanya tidak semua masyarakat Kelantan terjerumus dalam kancan kemiskinan, namun, tidak dinafikan sebilangannya hidup dalam keadaan susah dan miskin. U-Wei cuba untuk mencungkil hobi atau minat masyarakat Melayu kampung di Kelantan melalui watak Pak Mat, Sani, Salleh, Jali, Lazim dan yang lain-lain. Melalui dialog yang diutarakan oleh Minah kepada Pak Mat, dapat dirumuskan bahawa Pak Mat tidak berpelajaran tinggi. Selain itu, minatnya terhadap politik dan berlaga lembu (berjudi) adalah satu-satunya cara dia mencari rezeki untuk seisi keluarganya.

4.3 Pemaparan Warisan Dalam Aspek Ikonografi

Ikonografi yang ditonjolkan dalam filem *Jogho* boleh diperhatikan menerusi budaya masyarakat iaitu pakaiannya, amalnya, suasana persekitarannya dan lokasinya. Pertama sekali dari segi pakaian watak-watak dalam filem *Jogho*. Watak-watak mengenakan pakaian yang melambangkan masyarakat Melayu kampung. Pakaian yang dikenakan misalnya; baju kurung, kain sarung, kopiah putih, baju *T-Shirt* lusuh, seluar dan selendang. Pakaian-pakaian ini melambangkan masyarakat kampung Melayu-Kelantan-Patani. Selain itu, budaya amalan masyarakat dapat diperhatikan dalam aktiviti berlaga lembu dan main puteri (main teri merupakan perubatan tradisional masyarakat Melayu-Kelantan).

Kedua menerusi budaya masyarakat Melayu-Kelantan dalam aktiviti melaga lembu (berjudi). Budaya ini tidak diamalkan oleh semua pihak tetapi, ia diamalkan oleh sesetengah pihak di Kelantan mahupun Patani. Dalam *Jogho*, amalan berlaga lembu ini diangkat sebagai salah satu amalan yang diamalkan oleh orang Melayu Kelantan-Patani. Selain itu, budaya lain yang ditonjolkan adalah main puteri atau main teri iaitu perubatan tradisional Melayu-Kelantan suatu ketika dahulu. Main teri diperhatikan berlangsung pada minit ke 00:26:24 hingga 00:27:55 dan bersambung pada minit ke 00:28:57 hingga 00:29:09. Budaya lain seperti bersalam dan mencium tangan orang tua dapat diperhatikan ketika Jusoh bersalam dengan ayahnya (Pak Mat).

Ketiga, ikonografi dapat diperhatikan menerusi suasana sekelilingnya. Rumah-rumah Melayu yang didiami oleh keluarga-keluarga masyarakat Melayu-Patani digambarkan dengan jelas. Rumah Melayu ini merupakan rumah papan yang lengkap dengan tempayan di tepi tangga rumah, atap zink, tingkap papan yang labuh, tikar mengkuang dan birai yang memisahkan kawasan-kawasan dalam rumah. Suasana lain seperti pokok kelapa, kawasan padi dan kawasan perkampungan.

Ikonografi keempat adalah lokasi penggambaran. Lokasi penggambaran dalam filem ini dijalankan di dua tempat iaitu di Patani-Thailand dan Kelantan-Malaysia. Namun begitu, keseluruhan penggambaran dijalankan di Patani. Hanya tiga babak sahaja yang dijalankan di Kelantan iaitu, ketika Pak Mat dan Faizah (anak Pak Mat) berkunjung ke rumah saudaranya, ketika Pak Mat pergi menemui Jusoh (anak lelakinya) dan waktu malam ketika Pak Mat berunding dengan sepupunya Jaafar Beruang.

Filem *Jogho* memaparkan budaya dan ciri-ciri masyarakat Melayu Kelantan. Menurut Cooke, ikonografi ditunjukkan menerusi pakaian, lokasi dan budaya yang mempamerkan keaslian filem tersebut (Cooke 1999). Watak-watak mempamerkan ciri-ciri kemelayuan. Dalam filem ini juga, U-Wei menunjukkan sifat-sifat Melayu seperti bersalam dan mencium tangan orang yang lebih tua ketika berjumpa, mengunjungi rumah saudara-mara, bersantai di kedai kopi dan belajar di sekolah pondok. Ciri-ciri ini memaparkan budaya dan sifat kemelayuan dalam aspek ikonografi yang dinyatakan oleh Cooke.

4.4 Warisan Budaya Melalui Dialek Kelantan

Bahasa yang dipertuturkan dalam filem *Jogho* tergolong dalam dua jenis iaitu loghat Melayu-Kelantan dan Bahasa Siam (Thailand). Bahasa utama yang dipertuturkan dalam filem *Jogho* adalah dalam loghat negeri Kelantan. Oleh kerana Kelantan dan Patani tergolong dalam rumpun Melayu yang sama, loghat Kelantan tidak menjadi janggal jika dituturkan oleh orang Melayu-Patani. Bahasa Siam pula dituturkan dalam

tiga babak iaitu pada minit ke 00:09:03 hingga 00:09:48, 01:03:45 hingga 1:06:18 dan 01:25:53 hingga 01:29:10. Bahasa Siam ini dituturkan oleh polis Thailand dan penduduk Melayu-Patani.

Bahasa yang dituturkan dalam filem *Jogho* menggunakan dua bahasa iaitu loghat negeri Kelantan dan Bahasa Siam. Menurut Cooke (1999), sebuah sinema nasional juga dinilai berdasarkan bahasanya. Bahasa yang dimaksudkan oleh Cooke adalah bahasa negara tersebut, termasuklah bahasa etnik dan juga bahasa golongan atasan dan golongan buruh (Cooke 1999). Cooke mengelaskan bahasa pertuturan berdasarkan etniknya dan kelasnya.

Hal ini kerana, keaslian sinema nasional bergantung kepada penggunaan bahasanya yang melambangkan sebuah negara bangsa. Namun begitu, salah satu peraturan Festival Filem Malaysia (FFM) adalah, menggunakan 70% Bahasa Melayu dan 30% lain-lain bahasa (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia & FINAS, 2018). Filem *Jogho* tidak menggunakan bahasa kebangsaan tetapi loghat negeri. Loghat negeri ini hanya difahami oleh orang-orang negeri tersebut atau mereka yang terdedah kepada loghat tersebut. Namun begitu, *Jogho* memenangi anugerah Filem Terbaik dalam FFM ke-14 walaupun tidak menggunakan Bahasa Melayu tetapi loghat negeri Kelantan. Selain itu, Bahasa Siam digunakan sekadar memenuhi 30% penggunaan lain-lain bahasa.

5. KESIMPULAN

Rumusannya, filem *Jogho* (1997) telah mempersembahkan kandungan realisme (kemiskinan) yang dinytakan oleh Hatta Azad Khan sebagai isu masyarakat Melayu-Kelantan di Patani. Selain itu, penunjukkan dari aspek ikonografi yang dinyatakan oleh Cooke juga ada dipalikasikan. Namun, lokasi penggambaran kebanyakannya dijalankan di Selatan-Thailand dan ini mengurangkan nilai *Jogho* sebagai sebuah sinema nasional.

Tambahan pula, jika diperhatikan dari sudut bahasa, filem *Jogho* menuturkan hampir keseluruhannya dalam loghat negeri Kelantan. Loghat negeri ini termasuk dalam bahasa sebuah bangsa yang hanya difahami oleh penutur, masyarakatnya dan mereka yang terdedah dengan bahasa tersebut. Malaysia sebagai sebuah negara yang unik yang didiami oleh pelbagai bangsa, etnik dan ras memberi kebebasan terhadap masyarakatnya untuk berbahasa. Bahasa loghat negeri ini bukan hanya berlaku di Kelantan, tetapi juga di Terengganu, Pulau Pinang, Kedah, Melaka, Perak, Perlis, Sabah dan Sarawak. Oleh itu, *Jogho* merupakan contoh terbaik untuk meneliti sinema nasional dari aspek bahasa yang disampaikan. Walaupun *Jogho* tidak memenuhi

kreadibiliti dari aspek lokasi (ikonografi) tetapi ia merupakan sebuah sinema nasional Malaysia jika diteliti dari aspek bahasanya.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan kewangan yang telah diberikan melalui geran UMK-FUND [R/FUND/A0200/01908A/001/2024/01293] untuk kajian ini. Sokongan ini telah membantu dalam pengumpulan data dan analisis yang penting untuk penulisan artikel ini.

RUJUKAN

Cooke, L. (1999). British cinema. In J. Nelmes (Ed.), *An introduction to film studies*. London: Routledge.

C. P. Jong. (n.d.). Film journal: Kaki Bakar (1995) & Jogho (1997) by U-wei Haji Saari. Retrieved from <https://jongcpfilmjournal.blogspot.com/2011/12/film-journal-kaki-bakar-1995-jogho-1997.html>

Fai, L. Y. (n.d.). #3: Kaki Bakar (1995) and Jogho (1997) by U-Wei bin Haji Saari. Retrieved from <https://u5filmjournal.blogspot.com/2011/12/3-kaki-bakar-1995-and-jogho-1997-by-u.html>

Hayward, S. (2005). *French national cinema*. Psychology Press.

Higson, A. (1989). The concept of national cinema. *Screen*, 30(4), 36–47. <https://doi.org/10.1093/screen/30.4.36>

Higson, A. (1995a). *Waving the flag: Constructing a national cinema in Britain*. Oxford University Press.

Khan, M. H. A. (1994). *The Malay cinema, 1948-1989: Early history and development in the making of a national cinema*.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia & FINAS. (2018, December 29). #SPOTLIGHT: Data pencapaian filem cereka tempatan di peringkat antarabangsa (1950-terkini). Retrieved from <https://www.finas.gov.my/wp-content/uploads/2017/11/DATA-SPOTLIGHT-PENCAPAIAN-FILEM-CEREKA-TEMPATAN-DI-PERINGKAT-ANTARABANGSA-1950-SEHINGGA-TERKINI.pdf>

Kratzer-Juilfs, S. C. (1996). *Exile cinema as national cinema: Re-defining German national cinema (1962–1995)*. (Doctoral dissertation). University of California.

Lez, C. (1996). An introduction to film studies. In J. Nelmes (Ed.), *British cinema: Representing the nation* (pp. 293-328). London: Routledge.

Muhammad Azrul Mohd. Radi. (2016, August 10). Hormati bahasa kebangsaan: FFM bersikap terbuka, tiada kaitan perkauman. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/hiburan/hormati-bahasa-kebangsaan-1.368390>

O'Regan, T. (1996). *Australian national cinema*. Psychology Press.

Pansha. (2016, August 5). Pendekatan dilakukan untuk kekalkan identiti berimej filem nasional-PFM. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-hiburan/pendekatan-dilaksana-untuk-kekalkan-identiti-berimej-filem-nasional-pfm-113105>

Safei, M., & Hassan, T. R. R. (2016). Politik dan intertekstualiti dalam juara. *Malay Literature*, 29(2), 207–232. [https://doi.org/10.37052/ml.29\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/ml.29(2)no5)

Saharudin Musthafa. (2010, October 14). Saya buat filem bukan kerana bisnes - jiwa U-Wei dalam filem. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1014&pub=utusan_malaysia&sec=hiburan&pg=hi_10.htm

U-Wei bin Haji Shaari & Makoto Ueda (Producers), U-Wei bin Haji Shaari (Director/Screenwriter). (1997). *Jogho* [Video CD]. Gambar Tanah Licin and NHK Japan Broadcasting Corporation